



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 14 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 14 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **12,456 kes** (2,240,345 kes kumulatif, 94.5%);
- Kes baharu : **8,084 kes** (2,369,613 kes kumulatif);
- Kes import : **21 kes** (15 warganegara; 6 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **8,063 kes** [7,594 warganegara (94.2%); 469 bukan warganegara (5.8%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **702 kes** (683 kes COVID-19; 19 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **367 kes** (286 kes COVID-19; 81 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **5,641 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **17 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **4,897 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **744 kluster**.

Daripada **8,084 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **133 kes (1.6 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **7,951 kes (98.4 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

PENAMBAHBAIKAN KEPADA PERKHIDMATAN PUSAT PENILAIAN COVID-19 (CAC)

Sebagai persediaan ke arah fasa endemik, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang menaik taraf perkhidmatan Pusat Penilaian COVID-19 (*Clinical Assessment Centre – CAC*). Proses naik taraf ini akan melibatkan beberapa fungsi baharu yang akan dilaksanakan secara berperingkat. Ini bagi memperluaskan kebolehcapaian CAC kepada lebih ramai pesakit COVID-19 dan mereka yang disyaki dijangkiti oleh COVID-19. Antara inisiatif yang dilakukan ialah:

1. Penambahbaikan penilaian kes COVID-19 di fasiliti Kesihatan Primer;
2. Menggalakkan penglibatan pengamal perubatan swasta dalam menyediakan alternatif perkhidmatan CAC GP dan CAC Swasta kepada pesakit COVID-19 supaya pemantauan terhadap kuarantin di rumah dapat dilakukan dengan lebih efektif dan meluas;
3. Perluasan CAC Maya (*Virtual CAC*) ke seluruh negara; dan
4. Perkhidmatan *Automated Voice Recording (robocall)*.

i) Penambahbaikan Penilaian Kes COVID-19 di Fasiliti Kesihatan Primer

Sebagai persediaan untuk mengendalikan kes-kes COVID-19 di Klinik Kesihatan, amalan kawalan infeksi yang baik akan sentiasa dipastikan bagi mengurangkan risiko jangkitan silang.

1. Klinik Kesihatan akan melakukan ujian pengesahan bagi orang yang disyaki; dan
2. Individu bergejala boleh tampil ke Klinik Kesihatan berdekatan bagi menjalani pemeriksaan dan penilaian kesihatan. Ini boleh dilakukan secara *walk-in* mahupun temu janji klinik. Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan kesesakan dan masa menunggu yang lama, serta mengurangkan risiko jangkitan silang, masyarakat digalakkan untuk membuat janji temu terlebih dahulu;

ii) Pemantauan Kes COVID-19 Oleh Pengamal Perubatan Swasta (CAC GP)

Sehingga 9 Oktober 2021, sejumlah **19,732 kes** telah dipantau oleh CAC GP. Kini, terdapat sebanyak **1,149 buah CAC GP** yang diwartakan di seluruh Malaysia, di mana 81 buah CAC GP

aktif dalam menyediakan perkhidmatan pemantauan kes yang sedang menjalani isolasi di rumah.

iii) Penubuhan CAC Swasta (CACS) Oleh Pengamal Perubatan Swasta

Susulan cadangan daripada pelbagai pihak, KKM telah membenarkan penubuhan CACS yang diuruskan sepenuhnya oleh pihak swasta. CACS merupakan **alternatif bagi pesakit COVID-19 kategori 1 dan 2** (tidak bergejala atau bergejala ringan) yang menjalani pemantauan di rumah.

- CACS menggunakan fasiliti selain dari yang didaftarkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*]. Ini memberi peluang bagi CACS untuk memberikan perkhidmatan pemantauan di rumah atau tempat kediaman pesakit COVID-19 (*home monitoring*) secara lebih tertumpu dan tidak menjalankan perkhidmatan pesakit luar yang lain; dan
- Antara kawasan yang digunakan adalah seperti dewan, hotel, dan sebagainya;

KKM telah menyediakan satu garis panduan sebagai rujukan bagi pihak yang ingin menyediakan perkhidmatan CACS. Antara yang ditekankan dalam garis panduan tersebut adalah;

- **Pemohon** hendaklah merupakan **pemegang perakuan dari sesebuah klinik perubatan swasta berdaftar** di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*]; dan
- Pemohon hendaklah **diwartakan sebagai Pegawai Diberi Kuasa** di bawah Seksyen 3, Akta 342, bagi tujuan pemberian perintah pengawasan dan penjagaan di rumah, serta pemakaian peranti pengawasan.

iv) **Perluasan CAC Maya (*Virtual CAC*)**

Mulai September 2021, CAC Maya telah diperluaskan ke seluruh negara. Melalui CAC Maya, individu **positif yang tidak bergejala dan bukan dari golongan berisiko tinggi** (berumur ≥ 60 tahun, mempunyai komorbid, atau wanita hamil) tidak perlu hadir ke CAC. Sebaliknya, mereka hanya perlu membuat pemantauan sendiri dan melaporkan status kesihatan menggunakan aplikasi MySejahtera. Pemantauan pesakit di kawasan Lembah Klang masih dilakukan oleh anggota di ibu pejabat KKM, manakala bagi negeri-negeri lain kini dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) masing-masing.

v) Perkhidmatan *Automated Voice Recording (robocall)*

Individu yang melaporkan gejala, khususnya tanda-tanda amaran (*Warning Signs*) seperti demam, kesukaran bernafas, letih lesu berpanjangan, dan sakit dada akan menerima SMS dan panggilan *Automated Voice Recording (robocall)* yang meminta mereka pergi ke fasiliti kesihatan terdekat untuk pemeriksaan lanjut. Selain itu, mana-mana individu yang melaporkan dua atau lebih tanda amaran akan menerima panggilan daripada pasukan perubatan *Virtual CAC Outbound Team* bagi mengesahkan keadaan pesakit dan sekiranya bantuan ambulans diperlukan untuk ke hospital.

Proses ini melibatkan kerjasama strategik agensi swasta bagi memastikan intervensi yang dilaksanakan adalah berkesan. Ianya melibatkan Syarikat TM yang menyediakan pusat panggilan *CAC Helpline*, pemasangan *hunting lines* di Bilik Gerakan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) serta CAC di sekitar *Greater Klang Valley* dan perkhidmatan *SMS broadcast* untuk penghantaran SMS kepada individu yang dikenalpasti. Selain itu Syarikat TIME dotcom juga telah membantu dengan menyediakan perkhidmatan *Automated Voice Recording (Robocall)* untuk kumpulan individu yang masih belum menjawab soalan HAT dalam aplikasi MySejahtera dan kepada

individu yang melaporkan Tanda Amaran (*Warning Signs*) serta akaun telefon VOIP (*Voice Over Internet Protocol*) yang digunakan oleh petugas perubatan *Virtual CAC Outbound Caller* bagi membuat panggilan kepada pesakit yang dikenalpasti.

Diharapkan dengan penambahbaikan perkhidmatan CAC ini, perkhidmatan pemantauan di rumah atau tempat kediaman pesakit COVID-19 (*home monitoring*) akan menjadi lebih baik dan seterusnya mengurangkan kadar kematian khususnya kes-kes *Brought-In-Death* (BID)

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

14 Oktober 2021 @ 6:00 petang

LAMPIRAN 1**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 14 OKTOBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Jalan Selatan 11	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	16	70
2	Tapak Bina Mutiara Mas Utama	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	10	20
3	Jalan Tropika Kulai	Tempat Kerja	Johor	Kulai	9	11
4	Industri Jalan Budi	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	8	35
5	Tapak Bina Jalan BBN Dua	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban	13	26
6	Jalan Industri Sembilan	Tempat Kerja	Pahang	Temerloh	11	28
7	Lorong Perusahaan Utama	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	29	164
8	Industri Jalan Korporat Tiga	Tempat Kerja	Selangor	Klang dan Kuala Selangor	40	108
9	Industri Sungai Rasau 35-2	Tempat Kerja	Selangor	Klang	20	294
10	Belimbing Dalam	Komuniti	Melaka	Alor Gajah	33	40
11	Kampung Sungai Bil	Komuniti	Perak	Muallim	21	28

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
12	Kampung Tebing Tinggi Kemumin	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	13	20
13	Jalan Sena	Komuniti	Johor	Kulai	8	17
14	Jalan Free School	Kumpulan Berisiko Tinggi	Pulau Pinang	Timur Laut	44	76
15	Lorong Rambutan Tiga	Kumpulan Berisiko Tinggi	Pulau Pinang	Timur Laut	15	18
16	Lorong Nenas Satu	Kumpulan Berisiko Tinggi	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	9	29
17	Jalan Jaya Simpang Renggam	Institusi Pendidikan Swasta yang Berdaftar di Bawah KPM	Johor	Kluang	10	28

LAMPIRAN 2**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 13 OKTOBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
WP PUTRAJAYA	1.07
NEGERI SEMBILAN	1.03
PERLIS	0.99
KELANTAN	0.96
WP KUALA LUMPUR	0.95
TERENGGANU	0.94
SELANGOR	0.92
PAHANG	0.89
MELAKA	0.88
SABAH	0.87
KEDAH	0.87
PERAK	0.84
JOHOR	0.83
PULAU PINANG	0.82
SARAWAK	0.78
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.88